

## PENUTUP

Segala yang benar dan hak itu adalah daripada Allah , manakala segala kesalahan dan kesilapan itu adalah dari kecuaian dan kelemahan diri penulis sendiri.

Sebagai seorang yang masih lagi di peringkat "pembelajaran" dan "pencarian" , penulis mengakui bahawa latihan ilmiah yang telah disempurnakan ini sudah pastinya tidak lekang dan sunyi daripada kesilapan-kesilapan.

Kepada ahli-ahli akademik , pensyarah-pensyarah dan ustaz-ustaz semoga tidak berkeberatanlah untuk memberikan kritikan-kritikan yang membina. Saya dahului ucapan dengan berbanyak-banyak terima kasih. Semoga Allah sentiasa memimpin kita ke jalan yang diredhaiNya.  
AMIN.